

SOALAN PENGUKUHAN : PERKARA ASAS FARDU AIN (PAFA)

MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAT

1. Berikut adalah lafaz dua kalimah syahadah dan maksudnya

اشهد ان لا اله الا الله واشهد ان محمد رسول الله

Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad Pesuruh Allah.

- A. Betul
- B. Salah

2. RUKUN ISLAM

Tandakan (/) pada pernyataan yang merujuk kepada rukun Islam :

- A. Mengucap dua kalimah syahadat
- B. Solat berjemaah
- C. Solat lima waktu
- D. Mengeluarkan zakat
- E. Bersedekah
- F. Berpuasa pada bulan Ramadhan
- G. Menunaikan haji

3. Kepentingan rukun Islam :

Rukun Islam adalah perkara sangat penting yang _____ dilaksanakan supaya seseorang itu menjadi muslim yang sejati. Ibadat-ibadat yang terkandung dalam rukun Islam itu menghubungkan manusia dengan Allah dan manusia sesama _____.

- A. Harus / Manusia
- B. Wajib / Manusia
- C. Sunat / Makhluk
- D. Wajib / Alam sekitar

4. RUKUN IMAN :

Berikut adalah rukun-rukun iman, **kecuali** :

- A. Beriman Kepada Allah
- B. Beriman Kepada Samiyyat
- C. Beriman Kepada Malaikat
- D. Beriman Kepada Kitab
- E. Beriman Kepada Rasul
- F. Beriman Kepada Hari Kiamat
- G. Beriman Kepada Qadak dan Qadar

5. Terangkan bagaimana cara beristinja dengan menggunakan batu.

- A. Menyapu qubul dan dubur dengan menggunakan sekurang-kurangnya tiga biji batu atau bahan yang kesat sehingga diyakini bersih.
- B. Menyapu qubul dan dubur dengan menggunakan sekurang-kurangnya dua biji batu atau bahan yang kesat sehingga diyakini bersih.
- C. Menyapu qubul dan dubur dengan menggunakan sekurang-kurangnya tiga biji batu atau bahan yang licin sehingga diyakini bersih.
- A. Menyapu qubul dan dubur dengan menggunakan sekurang-kurangnya tiga biji batu atau bahan yang kasar sehingga diyakini bersih.

6. (Membasuh qubul dan dubur dengan _____ sehingga diyakini bersih) :

Pernyataan di atas merujuk kepada cara beristinja dengan menggunakan air

- A. Air Musyammas
- B. Air Mutlak
- C. Air Mutanajis
- D. Air Mustakmal

7. Kain Aisyah terkena najis Mukhoffafah. Terangkan cara bagaimana menyucikan kain tersebut

- A. Percikkan air mutlak di kawasan yang terkena najis.
- B. Basuh dengan air mutlak hingga hilang bau rasa dan warna

8. Kaki anda terkena najis Mutawassitah. Terangkan cara menyucikannya.

A. Bersihkan benda najis daripada tempat yang terkena najis, kemudian renjis bahagian yang terkena najis

B. Bersihkan benda najis daripada tempat yang terkena najis, kemudian basuh bahagian yang terkena najis itu dengan air mutlak sehingga hilang bau, warna dan rasanya

9. Di lantai rumah anda terdapat najis Mughollazah. Terangkan cara bagaimana menyucikannya.

A. Bersihkan benda najis daripada tempat yang terkena najis, kemudian basuh tujuh kali. Basuhan yang pertama dengan air tanah dan enam kali berikutnya dengan air mutlak.

B. Bersihkan benda najis daripada tempat yang terkena najis, kemudian basuh dengan air mutlak hingga hilang bau, rasa dan warna

10. Pernyataan di bawah adalah rukun wudhu' **kecuali** :

- A. Membaca Basmalah
- B. Menyebut lafaz niat wuduk
- C. Membasuh muka tiga kali. Basuhan pertama disertakan dengan niat.
- D. Membasuh tangan kanan dan kiri hingga ke siku
- E. Menyapu sebahagian kepala dengan air
- F. Membasuh kaki kanan dan kiri hingga ke buku lali
- G. Tertib

11. Berikut adalah **rukun** tayamum, **kecuali** :

- a) Menyebut lafaz niat tayamum
- b) Menyapu debu ke muka
- c) Menyapu debu pada kedua belah tangan hingga siku
- d) Menipiskan debu
- e) Tertib

12. Berikut adalah sebab-sebab yang mewajibkan mandi **kecuali** :

- a. Keluar mani
- b. Haid
- c. Janabah (bersetubuh)
- d. Wiladah (bersalin)
- e. Nifas (darah yang mengiringi wanita yang bersalin)
- f. Mati syahid

13. Tentukan rukun solat berdasarkan pernyataan di bawah :

- | | |
|----------------------------|--|
| 1) Niat | II) Membaca Al Fatihah |
| III) Takbiratul ihram | IV) Membaca surah selepas al Fatihah |
| V) Sujud | VI) I'tidal |
| VII) Membaca tahiyyat awal | VIII). Mengangkat tangan Ketika takbir |

Jawapan :

- | | |
|----------------------|--------------------|
| A) I, II, III, V, VI | C) II, III, V, VII |
| B) II, III, VI, VIII | D) III, IV, V, VI |

- SOALAN TAMAT -